

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

PERANAN IPT DALAM MEMPERKASA PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

SELANGOR, 31 OKTOBER 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hari ini telah menganjurkan Hari Terbuka MyCC 2023 & Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan literasi dalam kalangan komuniti IPT berkenaan undang-undang persaingan serta peranan MyCC sebagai agensi kawal selia dan penguatkuasa undang-undang persaingan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

MyCC telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama tiga buah IPT iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). MyCC sentiasa sedar akan kepentingan IPT dalam meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan undang-undang persaingan sekali gus berharap komuniti IPT memainkan peranan dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan undang-undang persaingan termasuk membantu MyCC dalam aspek penguatkuasaan.

Selain itu, MyCC juga telah melaksanakan aktiviti sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada sembilan buah IPT yang merupakan rakan kerjasama strategik iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), USIM, UniSZA dan UNIMAS. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan.



Sejak ditubuhkan pada tahun 2011, MyCC telah mengambil banyak tindakan terhadap syarikat-syarikat yang didapati terlibat dalam aktiviti berbentuk antipersaingan seperti pakatan kartel dan tindakan monopoli yang bersifat membuli.

Setakat ini, sebanyak 247 buah syarikat telah dikenakan penalti kewangan mencecah nilai RM175 juta kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Persaingan 2010. Syarikat-syarikat berkenaan merangkumi pelbagai industri termasuk pertanian, penerbangan, pengangkutan, pembuatan, pendidikan, insurans, logistik, perolehan kerajaan, teknologi maklumat dan perkhidmatan serta makanan dan minuman. Selain itu, sebanyak 430 kes sedang dalam peringkat siasatan.

Dalam Ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan tambahan peruntukan sejumlah RM10 juta bagi memperkasa peranan MyCC. KPDN akan bekerjasama dengan MyCC untuk memastikan peruntukan tersebut dapat dibelanjakan ke arah pencapaian agenda Kerajaan Perpaduan untuk mewujudkan Tatakelola Terbaik Demi Ketangkasan Perkhidmatan khususnya dalam meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan kerangka perundangan yang lebih komprehensif.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
PEMANGKU MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**

###

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjadikan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkannya kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.